

05/09/1998

Pendirian Anwar dipertikai (HL)

KUALA LUMPUR, Jumaat - Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak mempertikai pendirian bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap sistem di negara ini yang dahulu didukungnya.

Beliau berkata, tuduhan Anwar terhadap kewibawaan dan profesionalisme polis menjalankan siasatan, prasangka ke atas sistem pemerintahan negara dan dakwaan wujudnya konspirasi peringkat tertinggi, amat berat.

"Sekiranya ada buruk sangka terhadap badan seperti itu, bermakna kita menyerang sistem yang pernah kita dukung dan pertahankan sewaktu berada dalam kerajaan.

"Saya fikir adalah tidak wajar apabila tidak lagi berada dalam kerajaan, kita menolak segalanya serta membuat tuduhan yang amat berat. Kita harus berpegang bahawa inilah sistem yang wujud dalam negara ini dan ia berjalan serta berfungsi dengan baik.

"Melainkan ada bukti nyata, kita yakin polis menjalankan tugas dengan adil serta saksama. Seseorang itu boleh mendapat keadilan melalui proses perundangan dan mahkamah di negara ini," katanya.

Najib yang juga Menteri Pendidikan memberitahu pemberita demikian selepas majlis penyerahan peralatan aeroangkasa Russia kepada Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Anwar yang dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kelmarin dan dipecat daripada Umno malam tadi, mendakwa ada pakatan peringkat tertinggi untuk menjatuhkan beliau.

Anwar juga mendakwa, institusi kerajaan digunakan oleh mereka yang mengadakan pakatan terhadapnya, bagi mereka-reka dan mengada-adakan tuduhan.

Dalam affidavit seorang pegawai kanan polis di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung kes pemilikan peluru secara haram yang dihadapi Pengarah Hal Ehwal Awam Magnum, Datuk S Nallakaruppan semalam, Anwar didakwa melakukan perkara sumbang, mengancam keselamatan negara, membocor rahsia negara dan rasuah.

Mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memecat Anwar daripada parti itu, Najib berkata keputusan MT itu tidak bermakna Anwar sudah didapati bersalah atas apa-apa tuduhan, kerana jika ia dianggap demikian, bermakna parti sudah mendahului keputusan mahkamah.

Menurutnya, pelucutan daripada parti itu untuk membolehkan Anwar membersihkan dirinya dan ia tidak boleh dianggap sebagai tidak adil kerana ia memberi peluang untuk beliau menuntut keadilan melalui proses perundangan.

Najib berkata, MT membuat keputusan setelah memikirkan Anwar perlu mengasingkan soal peribadi daripada dikaitkan dengan parti dan kedudukan parti keseluruhannya.

"Kita fikir oleh kerana tuduhan itu sangat berat maka langkah wajar untuk diambil beliau ialah membersihkan dirinya sehingga dapat meyakinkan bahawa tuduhan itu tidak benar atau sebaliknya melalui proses yang boleh dilalui oleh seseorang dalam hal seperti ini.

"MT berpendapat kalau Anwar masih menjadi Timbalan Presiden dan ahli Umno, parti akan terheret sama dalam kancang dan kemelut itu.

"Jadi, pertama kita harap beliau berundur secara terhormat daripada kedudukannya dalam parti tetapi beliau enggan berbuat demikian. Maka MT membuat keputusan memecatnya," kata Najib.

Mengenai keputusan Dr Mahathir mengosongkan jawatan Timbalan Presiden

sehingga pemilihan parti tahun depan, manakala jawatan Timbalan Perdana Menteri kemungkinan besar tidak diisi, Najib berkata ia adalah kuasa mutlak Presiden parti dan Perdana Menteri.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yakin MT mempunyai sebab yang jelas dan kukuh sebelum memutuskan memecat Anwar sebagai ahli parti.

Menurutnya, keputusan itu diambil dalam satu musyawarah mengikut tradisi Umno dan semua ahli MT diberi peluang menyuarakan pandangan sebelum membuat keputusan sebulat suara.

"Saya memang sudah terikat kepada keputusan itu kerana sebelum mesyuarat MT semalam, saya sudah menghantar surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa saya akan bersetuju dan patuh kepada sebarang keputusan yang diambil.

"Dalam ingatan saya, ini adalah keputusan memecat seorang Timbalan Perdana Menteri yang pertama kali berlaku dalam sejarah Umno," katanya kepada wartawan Malaysia di Durban, Afrika Selatan, hari ini.

Beliau yang mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Puncak NAM berkata, ahli Umno perlu memahami keputusan itu dan menjadi tugas semua ahli MT untuk menjelaskan kepada mereka mengenai cara keputusan itu dibuat.

Sementara itu, bekas Naib Presiden Umno, Tengku Razaleigh Hamzah menyokong penuh tindakan Dr Mahathir memecat Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Ahli Parlimen Gua Musang itu berkata, tindakan itu wajib diambil berdasarkan pertimbangan teliti Dr Mahathir untuk memelihara kepentingan rakyat serta menjamin keselamatan dan kestabilan negara.

Sebagai ahli Umno, katanya, beliau juga menyokong keputusan sebulat suara MT memecat Anwar daripada parti.

"Saya percaya keputusan itu dibuat berdasarkan pertimbangan mendalam ahli MT demi memelihara imej dan menjamin nama baik Umno, parti umat Islam terbesar dan tunggak perjuangan orang Melayu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tengku Razaleigh berkata, keputusan itu tidak harus dipertikaikan oleh mana-mana ahli Umno, malah mereka hendaklah memberi sokongan penuh.

Beliau percaya perkembangan sekarang tidak akan memberi sebarang kesan kepada nama baik kerajaan dan Umno di bawah pimpinan Dr Mahathir.

(END)